

30 JUN 1998

Komanwel-Ragbi

PASUKAN RAGBI JANJI BERI CABARAN HEBAT

LANGKAWI, 30 Jun (Bernama) -- Pasukan ragbi negara berjanji akan memberi saingan hebat kepada pasukan negara lain pada pertandingan ragbi Sukan Komanwel ke-16, September ini.

Pengurus Projek Ragbi Sukan Komanwel, Lt Kol (B) Omar Mohamed berkata walaupun tugas itu sukar "kita tetap akan berusaha sedaya-upaya."

"Sasaran kita ialah menempatkan diri antara 16 pasukan terbaik pada sukan ini," katanya ketika ditemui menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, hari ini.

Omar berkata, Malaysia menganggap Afrika Selatan sebagai pencabar utama pada perlawanan peringkat kumpulan, manakala Kepulauan Cook dan Trinidad & Tobago yang juga dalam kumpulan sama, mungkin tidak memberi banyak masalah.

Beliau berkata pasukan ragbi yang dianggotai 14 pemain "Projek Jaya 1998" berlatih di sini sejak 24 Jun lepas di bawah jurulatih Mark James dari Wales.

Seorang lagi pelatih yang sepatutnya bersama skuad itu ke sini tidak hadir atas sebab kesihatan.

Beliau berkata hanya 10 pemain terbaik akan disenarai menyertai sukan ini akhir Julai ini, Nama mereka akan diserahkan kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM).

Selain latihan di Kompleks Sukan Langkawi, pemain juga dilatih di kawasan pantai bertujuan meningkatkan stamina.

Beliau berkata pasukan negara akan menyertai kejohanan ragbi di Bangkok 18-19 Julai ini.

Sebelum latihan di sini, mereka telah mengadakan latihan dan menyertai beberapa kejohanan dalam dan luar negara.

Pasukan itu akan ke Alor Setar hari ini untuk mengadakan perlawanan persahabatan dengan beberapa pasukan tempatan.

--BERNAMA

ZI NH ZB